Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
槟城消费人协会 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

*Websites:*
www.consumer.org.my

30 hb Mei 2021

Assalamualaikum warahmtullahi wabarakatuh

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

TA'ZIAH ATAS KEMBALI KERAHMATULLAH
TAN SRI DATO' SERI DR.HARUSSANI ZAKARIA

Bagi pihak seluruh warga Persatuan Pengguna Pulau Pinang merakamkan ta'ziah kepada semua ahli keluarga Allahyarham dan kakitangan pejabat Jabatan Mufti Perak diatas kembali kerahmatullah Tan Sri Dato' Seri Dr Harussani Zakaria.

Pemergian Allahyarham adalah kehilangan besar buat masyarakat Islam dinegara ini.

Allahyarham adalah tokoh ulama yang telah memberi khidmat yang cemerlang untuk memajukan pelbagai urusan Islam di tanah air.

Sebagai seorang tokoh ulama yang banyak berbakti kepada umat Islam dinegara ini , pemergiaan Allahyarham sukar dicari ganti.

Allahyarham telah banyak berbakti dan bekerjasama dengan CAP dibawah kepimpinan Allahyarham Hj SM Mohamed Idris. Sepanjang perkhidmatan Allahyarham Tan Sri , CAP banyak mendapat pandangan dan nasihat yang berguna dalam menampilkan pandangan Islam dalam isu kepenggunaan.

Kami terhutang budi diatas jasa Allahyarham membantu CAP dalam usaha mendidik masyarakat pengguna.

Kami memdoakan ruh Allahyarham ditempatkan bersama para mukminin , solehin dan siddiqin.

Kami juga mendoakan agar seluruh ahli keluarga dan kakitangan Jabatan Mufti Perak tabah menerima ketetapan Ilahiyy ini untuk terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang ditinggalkan oleh Allahyarham.

**Mohideen Abdul Kader**
**Presiden CAP.**